

Pembangkang angkuh tolak pelawaan PM

UM 5 NOV 2007

KUALA LUMPUR 4 Nov. — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyifatkan Pas dan tiga lagi parti pembangkang sebagai angkuh apabila menolak pelawaan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad supaya menyertai Barisan Nasional (BN) membangunkan negara.

Tegas Timbalan Perdana Menteri, tindak tanduk parti-parti pembangkang itu jelas menunjukkan mereka lebih mementingkan keperluan peribadi daripada kepentingan negara keseluruhannya.

Menurutnya, empat parti pembangkang itu mungkin mengandaikan pelawaan Perdana Menteri sebagai menandakan parti pemerintah tidak lagi kuat sekarang.

Namun, tegas beliau, andaian itu tidak berasas kerana BN dengan kekuatan keanggotaan sekarang 14 parti, masih boleh teguh berdiri tanpa bantuan pembangkang.

“Kita (sebenarnya su-

dah) ada 14 parti yang berkongsi kuasa tetapi Perdana Menteri masih merasakan yang perkongsian kuasa ini masih boleh diperluaskan lagi dengan membuka pintu kepada mereka (pembangkang).

“Tetapi nyata mereka memandang serong dan ini satu bentuk keangkuhan. Jelas pembangkang tidak pedulikan masa depan dan pembangunan negara tetapi cuma fikir kepentingan parti mereka,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri Rumah Terbuka Deepavali anjuran Presiden MIC yang juga Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S. Samy Vellu di Dewan Sekolah Cina Chung Hwa, Jalan Ipoh di sini hari ini.

Abdullah mengulas penolakan Pas, DAP, Keadilan dan Parti Rakyat Malaysia (PRM) terhadap pelawaan Dr. Mahathir supaya menyertai BN dengan alasan Perdana Menteri mempunyai muslihat

untuk menghapuskan pembangkang di negara ini.

Parti-parti pembangkang itu menolak matlamat penggabungan untuk membangunkan negara selain bersatu menghadapi musuh luar sebaliknya bertekad mahu menubuhkan BN pada pilihan raya umum akan datang.

Dr. Mahathir membuat pelawaan itu Sabtu lalu selepas menyampaikan ucapan pada Konvensyen BN Pulau Pinang.

Perdana Menteri berkata, BN sentiasa mengamalkan dasar terbuka dan sanggup berkongsi kuasa sekiranya mereka menyertai gabungan itu secara ikhlas.

Mengulas lanjut, Abdullah berkata, parti-parti pembangkang sebenarnya sentiasa berdolak-dalik untuk mengetepikan soal kepentingan negara dengan melemparkan tuduhan bukan-bukan kononnya BN mempunyai motif tertentu dalam pelawaan tersebut.

Katanya, perasaan syak wasangka dalam perkara itu sentiasa berlegar-legar dalam fikiran pembangkang bahawa kononnya BN mahu memerangkap mereka.

“Namun BN ikhlas dan amalan kita akan tetap terbuka untuk mereka walaupun mereka menolak. Macam Parti Melayu Semangat (S46) dulu keluar dari BN tetapi kini masuk kembali.

“Begitu juga dengan Parti Bersatu Sabah (PBS), dulu kita cakap tak

usah masuk tetapi akhirnya masuk juga,” katanya.

Dalam hubungan ini, kata beliau kenyataan Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat bahawa BN khususnya UMNO sepatutnya menyertai Pas sukar diterima secara rasional.

Ini kerana katanya, Pas hanya sebuah parti pembangkang dan tampuk pemerintahan negara di bawah kuasa BN.

“BN mempunyai kuasa yang boleh melaksanakan projek serta mewujudkan

dasar-dasar membangunkan negara.

“Inilah parti (BN) yang membuka pintu kepada mereka (pembangkang) dan kita sudah boleh bersama-sama bersatu di bawah BN,” katanya.

Ditanya mengenai penolakan Pas terhadap pelawaan itu yang dikatakan ‘terlalu terburu-buru’ berbanding DAP, Abdullah berkata, Pas akan sentiasa memandang serong terhadap segala program pembangunan negara.

Beliau menambah, haki-

katnya tiada parti yang boleh mempraktikkan konsep permuafakatan seperti BN dan ini ditunjukkan dalam penyelesaian isu penggunaan bahasa Inggeris dalam Sains dan Matematik di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJ-KC).

Tegasnya: “Inilah cara BN yang membenarkan ada perbezaan pendapat tetapi masih mampu untuk bermuafakat mencari formula yang diterima semua.”